

22/02/2003

Sidang tidak rasmi OIC bincang isu keamanan

KUALA LUMPUR: Malaysia sekali lagi memberi jaminan bahawa mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan sehari selepas sidang NAM, di sini, adalah mesyuarat tidak formal yang akan membincangkan isu keamanan sejagat.

Sambil menegaskan mesyuarat itu bukan untuk memberi persaingan kepada mesyuarat tergepar OIC di Doha, Qatar, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia melihat perjumpaan tidak formal di sini penting bagi negara OIC bertukar pandangan.

"Perjumpaan ini penting untuk anggota OIC memberikan input mereka, sebelum menghadiri mesyuarat tergepar di Doha, yang dijadual berlangsung pada 4 dan 5 Mac ini.

"Kita tiada masalah untuk sokong sidang tergepar di Doha itu selepas perbincangan tidak formal di Kuala Lumpur. Kita dapat banyak sokongan negara OIC untuk adakan perbincangan tidak formal ini.

"Kebanyakan mereka minta Perdana Menteri hadir," katanya selepas dikunjungi Menteri Luar Equador, Nina Pacari Vega, yang mengetuai delegasi negara itu ke NAM di sini semalam.

Syed Hamid berkata, jaminan Kuala Lumpur itu dinyatakan kepada rakan sejawatnya dari Qatar, Ahmed Abdullah Al-Mahmoud dalam pertemuan mereka kelmarin.

Beliau berkata, negara OIC akan terus terpinggir jika mereka terus berdiam diri terhadap pelbagai perkara terutama konflik Iraq, yang mempunyai kesan secara langsung terhadap mereka.

Katanya, kerajaan juga sudah menghantar surat jemputan kepada negara OIC yang bukan anggota NAM untuk menghadiri mesyuarat tidak formal itu.

Sebanyak 50 daripada 57 negara anggota OIC adalah anggota NAM.

Beliau berkata, soal jumlah penyertaan bukan perkara dasar yang dipentingkan dalam perjumpaan itu kerana ia lebih kepada perjumpaan tidak formal dengan pemimpin kerajaan, untuk bertukar pendapat dan bukannya satu sidang kemuncak.

Syed Hamid berkata, Ahmed Abdullah juga menyerahkan jemputan Qatar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menghadiri mesyuarat tergepar OIC di Doha, dalam pertemuannya kelmarin.

Sehubungan itu, beliau sudah memaklumkan kepada Dr Mahathir tetapi belum dapat mengesahkan kehadiran Perdana Menteri ke mesyuarat di Doha itu. Dr Mahathir dijangka bercuti selama dua bulan mulai Mac ini.

Mengenai pertemuan kira-kira 30 minit dengan Menteri Luar Equador, Syed

Hamid berkata, negara itu menyatakan keinginannya untuk memperoleh pelbagai bantuan Malaysia termasuk mempelajari cara Malaysia mengeluarkan minyak sawit, pembangunan tanah dan bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Sementara itu, delegasi dari Qatar, Adel Ali Al-Khal, berkata mesyuarat tidak rasmi di kalangan anggota OIC yang akan diadakan 26 Februari ini, bukan menjadi tempat dan masa yang sesuai untuk mengeluarkan deklarasi mengenai krisis di Iraq.

"Apa juga deklarasi mengenainya perlu dibuat di Qatar, sebagai pengerusi OIC sekarang. Saya juga tidak rasa ramai ketua negara yang datang untuk NAM, yang juga anggota OIC, akan menghadiri mesyuarat tidak rasmi itu.

"Ini bukan masa dan tempatnya untuk mengeluarkan sebarang deklarasi mengenai Iraq," katanya sebelum menghadiri Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) NAM yang masuk hari kedua semalam.

Qatar sebelum ini membantah cadangan Malaysia untuk mengadakan mesyuarat tidak rasmi itu kerana mahu ia diadakan di Doha.

Bagaimanapun, Selasa lalu Syed Hamid berkata, Qatar akhirnya menyokong usaha Malaysia mengadakan mesyuarat berkenaan dan sokongan itu disampaikan Emirnya, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani kepada Dr Mahathir.